# BULETIN MPK

INFO | BERITA | AKTIVITI

edisi 01
2010
Diterbitkan
PERCUMA

www.mpkluang.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

## MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

# KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

*Menarik di dalam...*

LAWATAN KE MBSA... 21 erat hubungan

KEMBARA MAHKOTA 5 Tuanku Mencemar Duli...

3 penerima...BANTUAN 7 KEMISKINAN BANDAR

YDP Turun Padang 12 selesai isu setempat

MESYUARAT AGUNG KSDK MPK 23 Kehadiran amat menggalakkan

# Ucapan Setiausaha

Yang Berusaha Tuan Hj Muzaldin Bin Haji Mohamed

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh…

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua sidang Editor diatas kejayaan menerbitkan Buletin MPK edisi pertama 2010 ini.

Tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk memberikan maklumat dan segala informasi kepada semua pembaca terutama pelanggan-pelanggan MPK iaitu pembayar-pembayar cukai. Dengan adanya buletin ini juga, pihak majlis berharap segala aktiviti, jadual perjalanan program, dan segala tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan dapat disebarkan kepada semua pembaca sekalian.

Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua sidang redaksi Buletin MPK ini yang telah bertungkus lumus di dalam penyedian maklumat sehingga penerbitan buletin ini.

Akhir kata, diharapkan penerbitan buletin ini boleh dijadikan satu saluran maklumat kepada semua warga kerja, pelanggan dan juga kepada semua pembaca sekalian..

Sekian Terima Kasih

# Dari Meja Ketua Pengarang…..

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi dengan kurnia dan izinnya Buletin MPK keluaran pertama dapat disempurnakan penerbitannya tahun ini. Edisi pertama ini memuatkan beberapa artikel mengenai penglibatan MPK kepada masyarakat, program-program yang telah dijalankan pada awal tahun 2010 dan sekitar tahun 2009 serta aktiviti dalaman pentadbiran MPK dalam mempertingkat dan memajukan perkhidmatan kepada masyarakat selain memaparkan informasi yang berguna untuk tatapan semua pihak.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan dan komitmen semua pihak terutama kepada ahli-ahli sidang pengarang yang bertungkus lumus menjayakan penerbitan Buletin MPK ini. Tidak lupa juga kepada teman sekerja yang memberi sumbangan, sokongan dan pandangan yang berguna kepada kami. Saya berharap lebih banyak karya dan nukilan akan kami terima untuk penyediaan Buletin MPK akan datang.

Cadangan dan teguran bagi tujuan penambahbaikan adalah dialu-alukan dalam usaha menerbitkan Buletin MPK yang lebih berkualiti. Semoga berkat kerjasama semua pihak, Buletin MPK seterusnya dapat disiapkan dengan jaya dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Salam 1 Malaysia, Wassalam.

**MUHAMMAD HAII ABU HASSAN**
Ketua Sidang Pengarang


**Sidang Pengarang Buletin MPK**

**YANG DIPERTUA**
Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam

**SETIAUSAHA**
Haji Muzaldin Bin Haji Mohamed

**KETUA PENGARANG**
Muhammad Haii Bin Abu Hassan

**PENGARANG**
Mohd Shahruddin Bin Rosdi

**AHLI SIDANG**
Mohd Nor Faizal Bin Samad
Mansor Bin Alip
Aspfalela Bt Haji Mustari
Mohd Nasir Bin Haji Omar
Mazlin Najua Bt Abd Mutalip
Amelliaaida Bt Mahad

**WARTAWAN**
Azanariah Bt Haji Ahmad
Mohammad Hatta Bin Ali

**JURUFOTO**
Roslan Bin Nasir

**URUS SETIA**
Nor Iida Bt Haji Ngadiman

Buletin MPK diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Kluang setahun dua kali dan diedarkan secara percuma. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel, cadangan atau komen. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:-

**Pengarang Buletin MPK**
Majlis Perbandaran Kluang
Telefon : 07-7771454

Atau

**Urus Setia Buletin MPK**
Majlis Perbandaran Kluang
Telefon : 07-7771469


## Isi Kandungan


**02 Ucapan Setiausaha**
Dari Meja Ketua Pengarang
Isi Kandungan

**03 Perutusan Yang Dipertua**
Barisan Ahli Majlis
Pesara dan Bakal Pesara

**05 Informasi**
Kembara Mahkota Johor 2010
Sambutan Hari Landskap Negeri Johor 2010
Kempen Menanam 26 Juta Pokok
Penyerahan Bantuan PPKB
Lawatan MB Ke Kahang
MB Rasmi Dewan Chamek

**09 Diari Yang Dipertua**
Program Gerak Mesra
Lawatan Kerja bersama YB
Lawatan Ke Taman Kluang Barat
Lawatan Ke Kilang Guocera
Program Turun Padang

**13 Perkhidmatan**
Pelaksanaan EM Di Taman Tasik
Bayar Cukai dan Menangi Hadiah
Larangan Aktiviti Penyembelihan
Pemindahan Perniagaan Kimpalan
Penubuhan Unit COB
Kursus Pengendalian Makanan
Pelan Strategik MPK
Kursus 2009/2010

**21 Peristiwa**
Majlis Sambutan Maulidur Rasul
Gotong-royong sempena Maulid
Lawatan Sambil Belajar Ke MBSA
Meraikan Mantan Ahli Majlis
Imbasan Aktiviti Tahun 2009

**23 Persatuan dan Sukan**
Mesyuarat Agung KSDK
Boling Berpasukan MPK
Naib Johan Bolesepak
Tempat Ketiga Sepaktakraw
Tempat Ketiga Boling
Pusingan Ke-2 Kejuaraan Cub Prix
Hari Keluarga MPK
Kumpulan Nasyid MPK Ke Peringkat Negeri

**27 Pengetahuan Am**
Jawab dan Menang

# Perutusan Yang Dipertua...

## Yang Berbahagia Tuan Hj Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam

اسلام عليكم ورحمة الله وبركته

Syukur Alhamdulillah dengan limpah dan izinNYA, Buletin MPK edisi yang pertama bagi tahun 2010 ini berjaya diterbitkan.

Tujuan buletin ini diterbitkan adalah tidak lain untuk memberikan informasi kepada semua pekerja, masyarakat dan penduduk setempat mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak MPK. Dengan adanya buletin seperti ini saya berharap segala maklumat berkaitan MPK dapat disebarkan kepada semua warga kerja dan kepada penduduk setempat khasnya.

Selaras usaha untuk memperkasakan lagi imej MPK, sistem star rating akan menjadi kayu pengukur kepada keberkesanan MPK. Untuk itu MPK telah memberi perhatian dan membuat persiapan rapi menghadapi Penilaian Sistem Star Rating (SSR) yang akan dibuat pada tahun 2010 ini.

Saya percaya komitmen yang bersunguh-sungguh oleh warga kerja MPK untuk menghadapi proses penilaian ini, InsyaAllah MPK akan berjaya mendapat Star Rating yang lebih baik dari tahun sebelum ini.

Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada sidang redaksi yang bertungkus lumus mendapatkan idea dan maklumat bagi memastikan Buletin MPK ini dapat diterbitkan. Kepada semua warga kerja MPK dan pembaca sekalian diharapkan dengan adanya buletin ini, ia akan dapat memberi manfaat kepada semua.

Sekian terima kasih.

**Barisan Ahli Majlis 2009/2010**

| Bil | Ahli Majlis | Pengerusi Zon | Bil | Ahli Majlis | Pengerusi Zon |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Haji M.Arif Bin Kataman | Bandar Kluang | 13 | Pang Kim Keok | Jln Niyor |
| 2 | Chye Kwee Yeow | Padang Tembak | 14 | Chong Choon Lian | Yap Tau Sah |
| 3 | Kamarolzaman Bin Shaari | Intan | 15 | Md Norhalim Bin Md Amin | Kasih |
| 4 | Zainani Bt Haji Jamaluddin | Ilham | 16 | Choong Chin Yang | Megah |
| 5 | Mej (B) Muhamad Bin Tukiran | Sri Kluang | 17 | Chen Wee Kong | Sunrise |
| 6 | Zainal Bin Mohamed | Batu 4 | 18 | Tam Chee Yung | Sri Lalang |
| 7 | Haji Omar Bin Mohamed | Kluang Barat | 19 | Chung Won Kiong | Paloh A |
| 8 | Hajah Hanisah Bt Othman | Kg Melayu | 20 | Gee Yap Hing | Chamek |
| 9 | Hajah Sakinah Bt Mohamed Sadique | Majupadu | 21 | Lee Sek Chou | Kahang |
| 10 | Mohd Ariffin Bin Nan@Adenan | Puteri | 22 | Raman A/l Govindan | Lian Seng |
| 11 | Klevon Bin Thawee | Paloh B | 23 | Rajoo A/l Kaliapa | Kg Gajah |
| 12 | Sim Geok Peng | Kg Paya | 24 | - | |

HAJI M.ARIF BIN KATAMAN
KETUA WHIP

CHYE KWEE YEOW
TIMBALAN KETUA WHIP

HJH SAKINAH BT
MOHAMED SADIQUE

# PESARA 2009/2010

*Jasa Mu Di Kenang.....*

**NORMAH BT ABD JALIL**
PEMBANTU TADBIR KEWANGAN (W17)
MULA BERKHIDMAT : 1 Disember 1979
TARIKH BERSARA : 1 Januari 2009

**AZMAN BIN KHALID**
PEKERJA AWAM (R1)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN BANDAR
MULA BERKHIDMAT : 1 Julai 1982
TARIKH BERSARA : 1 Januari 2009

**AZMAN BIN DAUD**
PEKERJA AWAM (R1)
BAHAGIAN LANDSKAP
MULA BERKHIDMAT : 1 Disember 1987
TARIKH BERSARA : 1 Februari 2009

**MOHMAD BIN JANTAN**
PEKERJA AWAM (R1)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN BANDAR
MULA BERKHIDMAT : 1 Januari 1981
TARIKH BERSARA : 1 Mei 2009

**ZAINI BIN ARIB**
PEMBANTU TADBIR (W22)
BAHAGIAN PENTADBIRAN
MULA BERKHIDMAT : 15 November 1983
TARIKH BERSARA : 1 September 2009

**MOHD ARSHAD BIN IDRIS**
PEMBANTU TADBIR (N17)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN BANDAR
MULA BERKHIDMAT : 17 Mei 1969
TARIKH BERSARA : 1 Oktober 2009

**GEMULAH MAJI BIN TOBARI**
PEKERJA AWAM (R1)
BAHAGIAN PERKHIDMATAN BANDAR
MULA BERKHIDMAT : 1 April 1987
TARIKH BERSARA : 1 Disember 2009

**AHAMAD BIN MADON**
PEKERJA AWAM (R1)
BAHAGIAN LANDSKAP
MULA BERKHIDMAT : 1 Ogos 1974
TARIKH BERSARA : 1 Mac 2010

**SAMSUDIN BIN MARIAM**
PEKERJA AWAM (R1)
BAHAGIAN PEKHIDMATAN BANDAR
MULA BERKHIDMAT : 15 April 1982
TARIKH BERSARA : 10 April 2010

**PERINBANAYAKHAM A/L NAMASIWAYAM**
PEN PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U32
BAHAGIAN PEKHIDMATAN BANDAR
MULA BERKHIDMAT : 1 Julai 1968
TARIKH BERSARA : 14 Mei 2010

## ANGGOTA KERJA YANG BERJAYA UNTUK KENAIKAN PANGKAT

*TAHNIAH!*

**NORZILAN BT HJ DAHLAN**
PEMBANTU TADBIR
(KESETIAUSAHAAN) N22
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)
BERKUATKUASA 1 JULAI 2009

**SYED JAAFAR BIN SYED HAMZAH**
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)
BERKUATKUASA 1 JULAI 2009

**HALIMI BIN NAYOT**
PEMBANTU TADBIR (KEW) W22
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)
BERKUATKUASA 1 JULAI 2009

**MOHKTER BIN ABD MAJID**
PEMBANTU PERTANIAN G22
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)
BERKUATKUASA 1 JULAI 2009

**AZMAN BIN JAMHARI**
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)
BERKUATKUASA 1 JULAI 2009

**OMAR BIN A. KADIR**
PEMANDU R6
KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)
BERKUATKUASA 1 JULAI 2009

**HAJAH HASNAH BINTI SAHID**
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22
LANTIKAN
BERKUATKUASA 1 JANUARI 2010

# Kembara Mahkota Johor 2010

**Kluang, 26 Jun 2010** – Kembara Mahkota Johor (KMJ) kali ke 12 telah diadakan selama tiga hari bermula pada 26 hingga 28 Jun 2010. Program yang bemula sejak tahun 2001 ini adalah hasil cetusan Sultan Ibrahim sendiri yang pada ketika itu sebagai Tunku Mahkota Johor, yang bertujuan mendekatkan hubungan keluarga Diraja Johor bersama rakyat negeri Johor.

Program KMJ 2010 kali ini melibatkan penggunaan kereta api melalui empat daerah iaitu Johor Bahru, Kulaijaya, Kluang dan Segamat. Baginda telah berkenan memandu sendiri kereta api yang meliputi jarak perjalanan sejauh 391.3 kilometer dari Johor Bahru ke Gemas dan kembali semula ke Johor Bahru. Perjalanan baginda melibatkan hentian Renggam, Kluang dan Chamek. Kejayaan ini telah direkodkan di dalam 'Malaysia Book Of Records', bagi Raja Melayu pertama miliki lesen memandu kereta api.

Pelbagai aktiviti dijalankan di Kluang pada hari pertama KMJ, antaranya termasuklah lawatan ke pameran kaum India di Jalan Stesen yang juga dikenali sebagai 'Little India' Kluang, acara senam J-Robik dan pameran bunga Okid / Bosai di Dataran Tasik, Kluang. Baginda bersama rombongan dijamu makan malam di Kem Mahkota dan bersantai minum sambil menonton bola sepak di Stesen KTMB Kluang.

Pada hari kedua pula, baginda bergerak ke Pekan Chamek untuk menjayakan majlis perasmian dan menamakan Sekolah Agama Chamek serta lawatan ke pameran kopi di sana. Pelbagai acara menarik telah dijalankan untuk memeriahkan sambutan kunjungan baginda ke Chamek.

Siri jelajah KMJ bukan sahaja platform pertemuan pemerintah negeri bersama rakyat jelata untuk bertukar idea dan pandangan malahan memberi manfaat kepada peniaga di destinasi yang dijadikan pilihan.

MPK adalah antara jabatan kerajaan yang terlibat sentiasa memberikan kerjasama dalam membuat persiapan bagi menyambut kehadiran baginda sebagai tanda taat setia dan kasih sayang yang tidak berbelah bagi kepada sultan yang berjiwa rakyat.

# Sambutan Hari Landskap Negeri Johor 2010

**Johor Bahru, 1 Julai 2010** - Menteri Besar Johor, Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman telah merasmikan Sambutan Hari Landskap Negeri Johor bertempat di Taman Bandar, Pasir Gudang. Program yang berlangsung selama sembilan hari bermula 26 Jun hingga 4 Julai 2010 itu adalah anjuran Jabatan Landskap Negeri Johor bersama Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Sambutan Hari Landskap tahun ini adalah bertemakan 'Keindahan Tropika' yang bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti pembangunan landskap dengan mewujudkan kesedaran, minat dan pengetahuan di kalangan semua pihak terhadap landskap serta memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha landskap untuk mempromosikan tanaman, barangan atau perkhidmatan mereka.

Sebanyak 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat termasuklah Majlis Perbandaran Pasir Gudang selaku tuan rumah, Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Daerah Tangkak, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Daerah Segamat, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Daerah Mersing, Lembaga Bandaran Johor Tenggara (KEJORA), Majlis Daerah Labis, Majlis Perbanadran Johor Bahru Tengah, Majlis Daerah Kota Tinggi, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Perbandaran Muar.

Aktiviti yang dijalankan sepanjang sambutan Hari Landskap adalah melibatkan semua pihak sama ada kerajaan mahupun swasta selaras dengan cadangan Y.A.B Perdana Menteri supaya program sebegini diadakan satu hari khusus agar dapat mengadakan aktiviti penanaman pokok yang bertujuan untuk penghijauan dan pengindahan.

*"Landskap merupakan salah satu aspek pembangunan yang penting untuk diberi penekanan kerana ia berkait rapat dengan kesejahteraan penduduk di sesebuah Negara"*

Petikan kata-kata Y.A.B Menteri Besar Johor
Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman

Di peringkat Negeri Johor, akitviti-aktiviti yang dilaksanakan termasuklah acara penanaman pokok, pameran dan pertandingan landskap, penyampaian hadiah, sijil pertandingan landskap dan sebagainya.

Lokasi pameran MPK terletak di Lot 12. MPK mengetengahkan konsep 'Formal Garden', yang diadaptasi dari binaan berunsurkan seni bina Islam. Antara elemen utamanya adalah wakaf yang berbentuk pergola yang berbentuk kubah yang diadaptasi dari bumbung 'Masjid Negara'. Wakaf berfungsi sebagai ruang santai utama, terdapat juga kolam mini dan 'plants material'. Keindahan tropika dapat dirasai dengan pemilihan landskap lembut yang disusun secara geometri, simetri di kiri dan kanan laman. Manakala pemilihan bahan binaan yang menggunakan 'stainless steel', polycarbonate dapat menterjemahkan kepelbagaian teknologi industri.

Pertandingan dan Pameran Reka Bentuk PBT Johor telah dimenangi oleh Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), tempat kedua Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan tempat ketiga dimenangi oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) manakala MPK menduduki tempat ke-4 keseluruhan.